

**NO. SOALAN: 158**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**RUJUKAN : 8014**

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai dengan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkaitan dengan isu pendatang asing tanpa izin yang mendapat kewarganegaraan di Negeri Sabah.

**JAWAPAN:**

**Sepertimana yang dimaklumi, pada 3 Disember 2014, Kerajaan telah mengumumkan hasil dapatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Susulan daripada itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah yang mempunyai dua (2) tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan bersama oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YB Menteri Dalam Negeri serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan warga Asing di Sabah yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah.**

**Di bawah Jawatankuasa ini, Kerajaan menumpukan perhatian kepada usaha-usaha *way forward* yang mana di antaranya adalah mengemukakan cadangan penambahbaikan pengurusan warga asing di Sabah berdasarkan hasil Siasatan Suruhanjaya, mengkaji pelaksanaan pengurusan warga asing sedia ada di negeri Sabah, mengemukakan syor ke atas status keberadaan warga asing di Sabah mengikut undang-undang dan peraturan serta mencadangkan pelan tindakan bagi pengurusan warga asing di Sabah. Jawatankuasa ini juga diberikan peranan untuk mendapatkan maklum balas daripada masyarakat Sabah berhubung penambahbaikan pengurusan warga asing di Sabah iaitu sebarang cadangan dan pandangan berkaitan dengannya bolehlah disalurkan melalui Jawatankuasa Teknikal. Beberapa**

pihak juga telah tampil mengemukakan cadangan serta pandangan dan terdapat antaranya yang sedang dalam tindakan penelitian Jawatankuasa ini. Antara pihak yang telah tampil adalah wakil dari *Sabah Law Association* serta beberapa individu yang ingin dikenali sebagai *Independent Committee On The RCI Report*.

Dari aspek penguatkuasaan, Kerajaan melalui Jawatankuasa ini juga komited menggandakan usaha untuk membanteras kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin dan ini diperhebatkan melalui Operasi Bersepadu yang di antaranya dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Pihak Berkuasa Tempatan serta Polis DiRaja Malaysia yang mana ia diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sabah. Operasi Bersepadu ini adalah tambahan kepada operasi harian yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan tersebut. Selain itu, Operasi Bersepadu di kawasan ESSZONE dalam konteks operasi harian dengan tema Tiada Hari Tanpa Operasi masih diteruskan dan diketuai oleh Komander *Eastern Command*.

Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah ini telah memberikan impak yang positif dan beberapa tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diselaraskan juga telah diketengahkan di media massa untuk makluman umum.